



15 April 2014
15 April 2014
P.U. (B) 127

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 428/2011* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 10 Ogos 2011, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai *P.U. (B) 399/2013* pada 8 Oktober 2013:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

*Daerah – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mukim – Setapak No. Pelan – P.A. 124514
No. Lot – 27539 Luas – 1,185 meter persegi.*

Bertarikh 28 Mac 2014

[KWP(S):24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 11/89/13; PN(PU2)213/LXV]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
*Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur*

NATIONAL LAND CODE

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *P.U. (B) 428/2011* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 10 August 2011, in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit a site for open area and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that a part of the aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke a part of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as *P.U. (B) 399/2013* on 8 October 2013:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke a part of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under section 64 of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule.

SCHEDULE

*District – Federal Territory of Kuala Lumpur Mukim – Setapak Plan No. – P.A. 124514
Lot No. – 27539 Area – 1,185 square metres.*

Dated 28 March 2014

[KWP(S):24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 11/89/13; PN(PU2)213/LXV]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
*Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of
Kuala Lumpur*